

LAPORAN PROGRAM**PERUSAHAAN KECIL DAN
SEDERHANA SEMASA ERA
PANDEMIK COVID-19:
PEMASARAN MEDIA SOSIAL**

18 JUN – 19 JUN 2020

**MASRUL HAYATI
KAMARULZAMAN****FAKULTI PENGURUSAN DAN
PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS
REMBAU**

Pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia pada tahun 2020 telah memberikan impak yang besar kepada amalan kehidupan seharian penduduk didunia. Malah, wabak penyakit ini telah memberikan kesan yang negatif kepada perniagaan terutamanya kepada Perniagaan Mikro serta Perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Berikutan dari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 1.0) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia pada 18 Mac 2020 hingga 03 Mei 2020 bagi mengawal jangkitan COVID-19, peniaga mikro dan IKS tidak boleh menjalankan perniagaan mereka seperti biasa dan kebanyakan golongan ini telah kehilangan punca pendapatan mereka.

Atas keprihatinan Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FP&P) UiTM Negeri Sembilan kampus Rembau terhadap keadaan Perniagaan Mikro dan PKS khususnya yang berada di sekitar Negeri Sembilan, Pihak fakulti telah menganjurkan satu program cakna masyarakat secara atas talian melalui medium “Google Meet” selama 2 hari iaitu pada 18 hingga 19 Jun 2020. Program ini memfokuskan kepada topik penggunaan “Pemasaran didalam Media Sosial” semasa era pandemic COVID-19 yang telah disertai oleh seramai 100 orang usahawan sekitar Negeri Sembilan.

Rentetan dari pandemik COVID-19, Perniagaan Mikro dan PKS yang terjejas amatlah disarankan untuk memperkasakan


penggunaan pemasaran melalui sosial media untuk mempromosikan produk dan perniagaan mereka. Berdasarkan statistik, kadar perkembangan pemasaran e-commerce adalah 88% dan Malaysia adalah antara negara menerajui e-commerce di Asia Tenggara. Penggunaan internet di telefon akan meningkatkan kadar peratusan pengguna e-commerce sebanyak 5%. Ini memberikan peluang dan ruang positif kepada usahawan untuk menasarkan pengguna yang inginkan pembelian 24/7 dan dimana sahaja melalui telefon pintar.

Dengan fakta ini, maka dengan wujudnya pandemik COVID-19 ini yang mengubah kehidupan normal rakyat Malaysia kepada “normal baharu”, usahawan perlu mengasah kemahiran menggunakan pemasaran media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter didalam mempromosikan perniagaan serta produk mereka. Merujuk kepada Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac), Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin, “kurang latihan atau kemahiran menyebabkan kebanyakan usahawan tidak mampu bertahan lama kerana perubahan ekosistem perniagaan disebabkan normal baharu memerlukan usahawan mengadaptasi sistem digital yang lebih komprehensif.

Didalam program ini, usahawan telah diberikan dua (2) sesi latihan iaitu sesi satu (1), para usahawan didedahkan dengan slot 1 iaitu topik “Menyesuaikan Perniagaan dengan Normal Baharu didalam era pandemik COVID-19 yang telah disampaikan oleh Pensyarah Kanan FP&P UiTM Rembau, Puan Zuliana Zoolkefli dan slot 2 iaitu Facebook Marketing dan Instagram Marketing yang telah disampaikan oleh En. Mohd Norazam Azmi, Pensyarah Kolej Poly-tech MARA Kuantan. Selain itu, para usahawan juga didedahkan dengan pengurusan operasi perniagaan yang berkesan didalam normal baharu COVID-19 yang telah disampaikan oleh Dr. Noor Azam ABD Aziz dan juga membina semula aliran tunai didalam era pandemik COVID-19 yang disampaikan oleh Puan Noor Azillah Mohamad Ali pada sesi dua (2).

Setelah berjaya mengikuti program ini pada kedua-dua sesi, usahawan yang berminat telah ditawarkan khidmat sesi konsultasi bersama para pensyarah FP&P sebagai konsultan. Seramai 20 orang usahawan telah diberikan sesi konsultasi bersama pensyarah bermula dari 20 Jun hingga 30 Ogos 2020. Pensyarah dan usahawan telah menjalani sesi konsultasi secara di atas talian seperti Google Meet, WhatsApp, panggilan telefon dan juga secara bersemuka dimana pensyarah telah membuat lawatan ke premis perniagaan usahawan.

Akhir sekali, pihak fakulti amat berbesar hati kerana dapat menganjurkan program yang memberi manfaat kepada Perniagaan Mikro dan PKS khususnya usahawan di Negeri Sembilan. Diharap para usahawan dapat memperkasakan perniagaan mereka di era pandemik COVID-19 ini dengan penggunaan medium Media Sosial dan mengikuti arus aliran pemasaran semasa, lebih-lebih lagi di era pandemik COVID-19.



FORUM DIGITAL PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA
 SEMASA
 ERA PANDEMIK COVID-19

ANJURAN: **FBM** Faculty of Business and Management, UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

<p>SLOT I</p> <p>PN ZULIANA ZOOKEFELI (PENSYARAH KAWAN FP&P UTM REMBAU) *MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN DENGAN NORMAL BAHARU DALAM ERA COVID-19*</p>	<p>SLOT II</p> <p>EN MOHD NORAZAM AZMI (PENSYARAH KOLEJ POLITEKNIK MARA KUALANTAN) *MARKETING*</p>	<p>SLOT III</p> <p>EN MOHD NORAZAM AZMI (PENSYARAH KOLEJ POLITEKNIK MARA KUALANTAN) *MARKETING*</p>
--	--	---

SESI 1 : 18 JUN 2020 (KHAMIS)
 9.00PG-12.30 TGH

FORUM DIGITAL PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA
 SEMASA
 ERA PANDEMIK COVID-19

ANJURAN: **FBM** Faculty of Business and Management, UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

<p>SLOT IV</p> <p>PN NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI (PENSYARAH KAWAN FP&P UTM REMBAU) *MENSIBINKAN SEBUKA ALIRAN TILAM PASCA COVID-19*</p>	<p>SLOT V</p> <p>DR NOOR AZAM ABD AZIZ (PENSYARAH KAWAN FP&P UTM REMBAU) *PENKULUSAN PERKHIDMATAN WIRING BERKESKOLIM NORMAL BAHARU COVID-19*</p>	<p>SESI PERKONGSIAN KEPAKARAN</p> <p>BERSAMA PENSYARAH-PENSYARAH FP&P UTM KAMPUS REMBAU</p>
--	--	---

SESI 2: 19 JUN 2020 (JUMAAT)
 9.00PG-11.30PG

GAMBAR PROGRAM